

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	23 APRIL 2015

# Kehadiran Najib beri makna besar kerjasama Asia-Afrika

um - 23/4/2015

**BANDUNG 22 April** - Kehadiran Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak pada acara memperingati 60 tahun Persidangan Asia-Afrika di sini, Jumaat ini memberi makna yang besar kepada penyertaan Malaysia dalam bidang kerjasama antara-bangsa.

Duta Besar Malaysia ke Indonesia, Datuk Seri Zahrain Mohamed Hashim berkata, hal ini kerana persidangan itu yang pertama kali diadakan pada 1955 adalah permulaan kepada banyak kerjasama dengan negara-negara lain yang tidak melibatkan negara barat.

Katanya, penyertaan Malaysia dalam acara memperingati persidangan ini yang disertai lebih 90 buah negara khususnya negara membangun menunjukkan negara adalah sebahagian daripada masyarakat dunia yang mementingkan hubungan kerjasama.

Menurutnya, dengan menyertai masyarakat antarabangsa, banyak isu kepentingan bersama dapat dibincangkan terutama dalam soal terrorisme, persenjataan, tsunami dan sebagainya.

“Bagi Malaysia, ini satu kejayaan penting iaitu kerjasama dengan negara-negara lain di dunia untuk membincangkan masalah bersama,” katanya kepada pemberita Malaysia yang membuat liputan kunjungan Najib ke Indonesia bagi menyertai acara peringatan 60 tahun Persidangan Asia-Afrika, di sini hari ini.

Perdana Menteri akan tiba di sini esok dalam rangka lawatan dua harinya ke Indonesia. Selain menghadiri acara peringatan tersebut, beliau juga akan

mengadakan perjumpaan dengan rakyat dan pelajar Malaysia yang berada di sini.

Terdapat kira-kira 1,000 pelajar Malaysia yang menuntut dalam pelbagai bidang di beberapa buah universiti di sini.

Menurut Zahrain, pada acara peringatan tersebut, Najib bersama Presiden Indonesia, Joko Widodo dan para pemimpin lain akan melakukan perjalanan bersejarah sejauh 100 meter dari Hotel Savoy Homman ke Gedung Merdeka, tempat persidangan pertama pada 1955.

Acara simbolik pada hari terakhir persidangan ini menandakan kesungguhan dan semangat persidangan pertama yang perlu terus dipupuk dan dikekalkan dalam usaha mempertingkatkan kerjasama dalam kalangan negara-negara peserta.

Para pemimpin tersebut seterusnya akan berhimpun di gedung berkenaan untuk mendengar ucapan Joko Widodo atau Jokowi dan wakil-wakil negara Asia, Afrika dan negara pemerhati.

Perdana Menteri seterusnya akan menunaikan solat Jumaat sebelum menghadiri jamuan tengah hari bersama Jokowi dan pemimpin-pemimpin lain.

Beliau akan berlepas pulang ke Kuala Lumpur pada sebelah petang.

Persidangan Asia-Afrika berlangsung sejak Ahad lalu dengan mesyuarat peringkat pegawai kanan dan diikuti perbincangan peringkat menteri, sebelum sidang puncaknya hari ini.

Dalam sidang tersebut, Malaysia diwakili oleh Menteri Komunikasi dan Multimedia, Datuk Seri Shabery Cheek. - UTUSAN